KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

MGTC

KUALA LUMPUR SUSTAINABILITY SUMMIT

Acara Wacana Kepimpinan Bertaraf Dunia

Sertai penggubal dasar, pemimpin industri, penggerak perubahan dan inovator dalam forum terkemuka mengenai perubahan iklim dan kelestarian di Asia Tenggara. Menerusi gagasan berani dan penyelesaian praktikal, KLSS 2026 membentuk masa depan hijau rantau ini.

MALAYSIA MADANI kemampanan

Visit Malaysia 2026-2027 Truly Asia

7-9 OKTOBER 2026

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur **Malaysia**

Dialog Berimpak | **Perbincangan Bermakna** | **Pengisian Interaktif**

www.mgtc.gov.my/klss

Sorotan Utama KLSS 2025

477 Peserta

17 Negara

392 Organisasi

16 Sektor

30 Penceramah

"Kelestarian bukan lagi sekadar cita-cita. Kini, kelestarian menjadi ukuran kepimpinan."

Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC)

Penaja dan Rakan Ilmu KLSS 2025

PENAJA

KWAP | CIMB | SOLARVEST | Maybank | YAYASAN MySDG FOUNDATION | ASIA School of Business in collaboration with MIT Sloan Management

RAKAN ILMU

Bloomberg

Sorotan Utama IGEM 2026

57,464 Pengunjung
73% Tempatan
27% Antarabangsa

414 Reruai Pameran

213 Pempamer

44 Negara yang Mengambil Bahagian

10 Pempamer Antarabangsa
Australia, Kanada, China, Finland, India, Indonesia, Jepun, Singapura, Korea Selatan dan Thailand

7 Astaka dan Reruai Pameran Negeri
Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Terengganu

Penaja IGEM 2025

Penaja Utama dengan Kerjasama PETRONAS

PETRONAS

PENAJA EMAS

TENAGA NASIONAL Better. Brighter. | SAMAIDEN | HUAWEI | UEM LESTRA

PENAJA PERAK

ITRAMAS | DAIKIN

PENAJA GANGSA

GPOWER | suntree | Grab | SOLARVEST | Bio Eneco | LEADER ENERGY | CI

PENAJA PENJENAMAAN

DE CARLON | LIKE ME COFFEE | GOODWE

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

MGTC

IGEM

INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA

Perlumbaan ke Arah Sifar Bersih: Tindakan Merentasi Sempadan

Pameran dan Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (IGEM) merupakan acara perdagangan terkemuka di Asia Tenggara yang mempamerkan teknologi hijau dan penyelesaian mesra alam.

IGEM merupakan hab serantau yang menghimpunkan peneraju industri, penggubal dasar, pelabur dan inovator dari seluruh dunia untuk meneroka serta mempamerkan teknologi hijau dan penyelesaian mampan yang membentuk masa depan ekonomi hijau dan rendah karbon.

MALAYSIA MADANI kemampanan

Visit Malaysia 2026-2027 Truly Asia

7-9 OKTOBER 2026

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, **Malaysia**

IGEM 2026 menyasarkan potensi perniagaan bernilai **RM22.5 bilion**, kehadiran **60,000 pengunjung**, penyertaan kira-kira **450 pempamer** serta penglibatan peserta dari **50 negara**.

www.igem.my

IGEM
INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA

Tarikan Utama

IGEM 2026 akan menampilkan segmen gaya hidup lestari yang mempamerkan kemajuan terkini dalam teknologi hijau bagi sektor makanan dan minuman, fesyen serta kosmetik.

Segmen mobiliti turut diperkukuh melalui pameran teknologi dan inovasi terkini dalam pengangkutan rendah karbon, termasuk kenderaan elektrik (EV). Inisiatif ini memperkukuh peranan IGEM sebagai pemangkin transformasi hijau dalam mempercepat tindakan iklim dan merealisasikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) demi masa depan yang lebih lestari serta berdaya tahan.

Bersama Memacu Transformasi Hijau

1. Kukuhkan kedudukan jenama anda sebagai peneraju industri menerusi platform perdagangan dan kelestarian terkemuka di Asia Tenggara.
2. Temui penggubal dasar, pelabur, pemimpin industri dan pihak berkepentingan dalam sektor kelestarian.
3. Terokai peluang perniagaan baharu, kerjasama strategik dan pelaburan berimpak tinggi merentas ekosistem ekonomi hijau.
4. Perkukuh kedudukan sebagai peneraju pemikiran melalui sesi pembentangan, forum dan perbincangan industri eksklusif.
5. Dapatkan akses eksklusif kepada sesi perangkaian strategik, padanan perniagaan dan libat urus dengan pihak berkepentingan.

Tarikan Utama Pameran

Tindakan dan Adaptasi Iklim

Menampilkan teknologi inovatif, strategi adaptasi serta inisiatif berasaskan komuniti untuk meningkatkan daya tahan iklim di kawasan bandar.

Padanan Perniagaan

Platform khusus yang menghimpunkan penggubal dasar, pembeli, pelabur dan rakan strategik untuk memperkukuh kerjasama serta memacu pertumbuhan hijau.

Pameran Mobiliti Mampan

Menampilkan inovasi terkini dalam pengangkutan mampan yang melangkaui kenderaan elektrik (EV), termasuk infrastruktur pengecasan EV, teknologi bateri, penyepaduan tenaga pintar serta penyelesaian mobiliti masa hadapan.

Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) serta Kelestarian

Menyediakan panduan praktikal tentang pelaporan ESG, strategi kelestarian dan amalan perniagaan beretika melalui sesi interaktif, bengkel serta pembentangan oleh pakar.

Fesyen dan Gaya Hidup Lestari

Menampilkan inovasi mesra alam dalam sektor fesyen dan gaya hidup dengan memberikan penekanan pada penggunaan bahan mampan, proses pengeluaran yang bertanggungjawab serta penyelesaian berasaskan reka bentuk kitaran.

Pakej Reruai Pameran

Pakej Dewan 1, Dewan 2 dan Dewan 4	Reruai Binaan Asas (PKS Malaysia sahaja)	Ruang Sahaja	Reruai Binaan Asas	Reruai Siap Bina
	• Keluasan minimum 9 meter persegi bagi setiap reruai (3 m panjang × 3 m lebar). • Termasuk lampu pendarfluor, soket 13 A, kaunter penyambut tetamu dan kerusi lipat.	• Keluasan minimum 9 meter persegi bagi setiap ruang (3 m panjang × 3 m lebar). • Penyewa boleh membina reruai mengikut reka bentuk sendiri.	• Keluasan minimum 9 meter persegi bagi setiap reruai (3 m panjang × 3 m lebar). • Termasuk lampu pendarfluor, soket 13 A, kaunter penyambut tetamu dan kerusi lipat.	• Keluasan minimum 9 meter persegi bagi setiap reruai (3 m panjang × 3 m lebar). • Termasuk soket, sistem panel berlamina, kaunter penyambut tetamu, kerusi lipat, meja kopi, kerusi, almari berkunci serta papan paparan atau rak dinding.
Harga Bagi Setiap Meter Persegi	**RM1,600/m^2**	**RM2,300/m^2** **USD640/m^2**	**RM2,400/m^2** **USD670/m^2**	**RM2,500/m^2** **USD700/m^2**

- Semua harga yang dipaparkan tidak termasuk cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sebanyak 6%.
- Diskaun pendaftaran awal sebanyak 15% sah sehingga 31 Mei 2026.
- Selepas 31 Mei 2026, diskaun sebanyak 15% hanya diberikan kepada Ahli Korporat MGTC dan syarikat yang berdaftar dengan MyHIJAU.
- Caj tambahan sebanyak 20% akan dikenakan bagi reruai yang terletak di Laluan Tengah (Central Boulevard). Caj ini dikira berdasarkan keluasan ruang reruai yang menggunakan karpet hijau.

Memacu Idea, Merealisasikan Penyelesaian Lestari

Bersama-sama Memacu Tindakan Merentasi Sempadan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

IGEM Sekretariat
Tel: +603-8921 0800 (Nombor Pejabat)
E-mel: igem@mgtc.gov.my

KUALA LUMPUR SUSTAINABILITY SUMMIT

Perlumbaan ke Arah Sifar Bersih: Tindakan Merentasi Sempadan

Peralihan ke arah pelepasan sifar bersih bukan lagi sekadar aspirasi, sebaliknya telah menjadi suatu keperluan pelaksanaan.

KLSS 2026 memberi tumpuan kepada penghasilan impak nyata dalam aspek dasar, kewangan, industri dan masyarakat, sekali gus membantu organisasi beralih daripada komitmen kepada pelaksanaan dan pematuhan yang berkesan.

Sepanjang tiga hari penganjuran, sidang kemuncak ini menghimpunkan pemimpin kanan untuk memperkukuh keselarasan antara dasar, tindakan dan kesaksamaan. Sidang ini turut menyelaraskan strategi dengan pelaksanaan bagi menghasilkan impak yang boleh diukur, penyelesaian berskala serta kerjasama rentas sektor ke arah masa depan sifar bersih yang berdaya tahan dan inklusif.

Topik Mengikut Hari

Hari Pertama | 7 Oktober

Dasar, Kewangan dan Pematuhan

Membina asas ke arah pelepasan sifar bersih melalui pandangan tentang dasar iklim, penetapan harga karbon, rangka kerja pematuhan serta peluang dalam kewangan hijau dan pasaran karbon.

Hari Kedua | 8 Oktober

Adaptasi, Daya Tahan dan Tindakan Industri

Memacu pelaksanaan tindakan iklim melalui inisiatif penyahkarbonan sektoral, adaptasi iklim, kerjasama serantau dan penyepaduan teknologi.

Hari Ketiga | 9 Oktober

Kesaksamaan Sosial, Impak dan Kesihatan Planet

Menghubungkan kesaksamaan sosial, inovasi belia dan kesihatan planet untuk mencapai hasil yang inklusif, berdaya tahan serta mampan.

Tempah Tempat Anda

Jenis Peserta	Kadar Pendaftaran Awal (sebelum 15 September 2026)	Kadar Selepas 15 September 2026	Kumpulan Empat Orang atau Lebih
Biasa	**RM 1,485** USD 372	**RM 1,650** USD 413	**RM 1,350** USD 338
Kerajaan/ Institusi Akademik	**RM 1,215** USD 304	**RM 1,350** USD 338	**RM 1,000** USD 250

Nota:
- Semua harga adalah bagi setiap orang dan tidak termasuk cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sebanyak 8%.
- Semua harga dalam USD dinyatakan berdasarkan kadar pertukaran semasa pada 10 Mei 2026 dan tertakluk kepada perubahan berdasarkan turun naik kadar pertukaran mata wang.

HRD CORP CLAIMABLE

Organisasi yang layak boleh membuat tuntutan melalui HRD Corp.

Kumpulan Sasaran

Program ini dirangka khusus untuk pemimpin yang menerajui peralihan, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kelestarian (CSO), penggubal dasar, pelabur dan pemimpin kanan yang mengetuai inisiatif kelestarian. Kehadiran pemimpin industri, wakil institusi kewangan, inovator teknologi serta pengamal kelestarian yang komited untuk memajukan ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan turut dialu-alukan.

Tarikan Utama

KLSS 2026 menawarkan pengalaman eksklusif di peringkat eksekutif yang memberi tumpuan pada perkongsian pandangan, akses strategik dan tindakan. Peserta akan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang perkembangan dasar iklim Malaysia, pendekatan praktikal untuk menterjemahkan strategi kepada pelaksanaan serta akses kepada peluang pelaburan dalam pembiayaan hijau dan pasaran karbon.

Jadilah Sebahagian daripada Perubahan

1. **Kukuhkan kedudukan organisasi anda sebagai peneraju pemikiran melalui peluang untuk tampil sebagai penceramah dalam sesi eksklusif.**
2. **Libat urus secara langsung dengan peserta menerusi perbincangan panel, sesi meja bulat yang dikendalikan khas serta bengkel interaktif.**
3. **Jalin kerjasama strategik dan terokai peluang perniagaan baharu merentas ekosistem ekonomi hijau.**
4. **Perkukuh kedudukan jenama anda melalui penjenamaan acara, liputan media dan promosi merentas pelbagai platform.**
5. **Berhubung dengan agensi kerajaan, badan kawal selia dan pemain industri utama yang mempengaruhi dasar kelestarian serta hala tuju pelaburan.**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sekretariat KLSS
Tel: +603-8921 0800 (Nombor Pejabat)
E-mel: klss@mgtc.gov.my